

12/05/2002

Penduduk Singapura tunjukkan sikap kiasu

Munshi

THE Straits Times Singapura, sejak 8 Mei lalu mula menyiarkan surat pembaca mengecam dan menyindir Malaysia termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan pelbagai isu. Perdana Menteri mereka, Goh Chok Tong, berkata dia tidak mahu menggunakan akhbar sebagai saluran berdebat dengan Malaysia dan menuduh Berita Harian sengaja mengungkit isu bertujuan mengeruhkan hubungan KL-Singapura.

MUNSHI: Tentunya bagi Chok Tong mudah saja, arah ST tunjukkan kemarahan kerajaan dengan menyiarkan pelbagai kecaman berupa surat pembaca. Seorang pembaca ST (8 Mei) mendakwa projek KLIA dan pelabuhan Tanjung Pelepas sebenarnya merugikan Malaysia kerana di republik itu sudah sedia ada pelabuhan yang diurus PSA dan juga Lapangan Terbang Changi.

Ia seolah-olah mempersoalkan kenapa Malaysia perlu berbelanja besar untuk mewujudkan KLIA dan pelabuhan sedangkan ia boleh menggunakan Lapangan Terbang Changi dan pelabuhan Singapura tanpa mengeluarkan belanja besar untuk memajukannya. Pada 7 Mei, sepucuk surat menuduh kita menjual air dan mengaut keuntungan besar sedangkan ia disedut dari sungai di Johor diperoleh secara percuma hasil hujan.

Pokoknya ia hak milik Malaysia dan jika hendakkan bekalan air mestilah kena beli. Takkanlah hendak secara percuma pula. Sungai di Johor perlukan pembiayaan untuk penyeliaan, pembersihan dan penjagaan. Selama ini Singapura menyangka Malaysia akan terus bergantung kepadanya sebagai pusat pengeksportan, import dan penerbangan. Sebagai negara membangun dan berdaulat, kita sememangnya memerlukan KLIA dan banyak pelabuhan.

Tanjung Pelepas diramal menjadi gajah putih oleh Singapura kini sudah mampu menggugat PSA begitu juga KLIA. Jika segala-galanya disalur dan melalui Singapura, sudah tentu mereka saja memperoleh keuntungan berlipat kali ganda dan mungkin boleh mengugut Malaysia. Sebelum ini pun bukan saja barangan import dan eksport perlu menggunakan pelabuhan PSA, malah sayur untuk penduduk Sarawak pun harus melalui orang tengah di Singapura menyebabkan harga melambung apabila tiba di Kuching.

Keadaan tidak selesa ini menyebabkan Singapura bertambah makmur hasil ihsan Malaysia. Kita yang berpenat lelah, taukeh mereka yang hidup senang lenang seperti lintah menghisap darah!

Jelas jika urusan sebegini berterusan Singapura boleh mengancam kita membuat kita tunduk kepada apa saja ugutan dan desakannya. Sememangnya kita berhak untuk membina prasarana bagi menjana pembangunan ekonomi tanpa mengambil kira kepentingan Singapura.

Duhai rakyat Singapura apa kata jika keadaan adalah sebaliknya. Malaysia membeli air dari sungai di Singapura dan kita paksa mereka guna pelabuhan dan lapangan terbang kita. Sudah tentu Lee Kuan Yew berasa tersepit dan terancam.

Reaksi sesetengah pembaca ST itu menunjukkan mereka tidak mahu menerima hakikat Malaysia tidak perlu bergantung kepada kemudahan di Singapura. Jika rakyat Singapura masih tidak sedar diri, berusaha mencari sumber air dari tempat lain dan begitu juga jangan cuba meminta ihsan Malaysia untuk terbang lalu bagi jet pejuang mereka.

Selama ini rakyat di selatan Johor menderita apabila jet pejuang Singapura sengaja terbang rendah. Carilah jalan untuk tidak terpaksa mengganggu ketenteraman rakyat selatan Johor. Jika menumpang lalu ruang udara jiran buatlah baik dan tidak berlagak sombong.

(END)

